

Sekolah Psikologi, Kerja Sosial UMS anjur seminar 17 Okt ini

KOTA KINABALU: Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Biro Tatanegara (Jabatan Perdana Menteri) akan menganjurkan seminar kebangsaan "Belia Ke Arah Kesukarelawanan" 2003 pada 17 dan 18 Oktober ini di kampus UMS, Kota Kinabalu.

Seminar itu menumpukan semangat kesukarelawanan di kalangan belia. Analisis akademik dan perkongsian pengalaman dijangka dapat memberi maklumat yang boleh digunakan untuk memahami keterlibatan belia dalam aktiviti sukarelawan.

Justeru, ramai pihak termasuk persatuan belia, NGO, perancang polisi, guru-guru dan juga ahli akademik akan mendapat manfaat daripada seminar itu.

Program yang dirancang sepanjang dua hari termasuklah pembentangan kertas kerja, bengkel, dan juga sesi plenari. Kertas kerja akan dibentangkan oleh ahli akademik dan akan menyentuh pelbagai isu berkaitan kesukarelawanan.

Sesi plenari akan mengetengahkan pengalaman dan pemikiran tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan dunia sukarelawanan.

Wakil daripada Institut Sosial Malaysia, Rose Jacob akan mengendalikan bengkel yang bertajuk "Pelacuran Di Kalangan Remaja".

Yuran penyertaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Getrude Cosmas atau Cik Mazni Mustapha di talian 088-320246 (faks 088-320101), atau layari laman www.ums.edu.my/spks/belia.html



MS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH